



SMART  
SELANGOR



---

# PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

---



—  
BULETIN 4/2019  
—



# KAEDAH PENJIMATAN TENAGA DI PEJABAT

- Laraskan suhu bilik pada  $25^{\circ}\text{C}$ . Bilik yang mempunyai suhu  $< 25^{\circ}\text{C}$  dianggap terlalu sejuk. Dalam keadaan ini, 'compressor' bagi alat penghawa dingin akan menggunakan tenaga yang lebih banyak bagi mencapai suhu yang rendah.
- Padamkan lampu atau penghawa dingin apabila tidak digunakan atau keluar dari pejabat untuk jangka masa yang panjang.
- Menguatkuasakan waktu 'ON' dan 'OFF' sistem elektrik di pejabat seperti waktu rehat (1-2 petang) dan mematikan bekalan selepas waktu bekerja (5 petang)
- Tutup tingkap dan pintu apabila menggunakan penghawa dingin.
- Menjalankan penyelenggaraan berkala untuk penghawa dingin dan peralatan elektrik. Penyelenggaraan berkala dapat memastikan penghawa dingin dan peralatan elektrik berada dalam keadaan baik dan mencapai keupayaan yang maksima.
- Memastikan 'setting' monitor computer dalam keadaan 'sleep mode' apabila tidak digunakan untuk jangka masa yang singkat dan jika tidak digunakan untuk jangka masa yang lama. Komputer dalam 'setting sleep mode' akan menggunakan tenaga elektrik yang lebih rendah.
- Menggantikan lampu-lampu yang rosak dengan lampu jenis jimat tenaga '(energy saving)' seperti lampu 'compact fluorescent (CFL)' dan lampu 'LED (Light Emitting Diode)'. Lampu jenis 'compact fluorescent (CFL)/LED' menggunakan tenaga elektrik yang lebih rendah.





# AKTIVITI-AKTIVITI PEJABAT DAERAH DAN TANAH *Sabak bernam*



← <http://5spdsb.blogspot.my/>



← <https://twitter.comPDTSBernam>



← <https://www.facebook.com/pages/Pejabat-Daerah-dan-Tanah-Sabak-Bernam/237494792939856>



← <https://www.selangor.gov.my/sabakbernam.php>



**BULAN  
OKTOBER  
2019**

## • PERHIMPUNAN BULANAN •

— 02.10.19 —



**Perhimpunan Bulanan Penjawat Awam Daerah Sabak Bernam berlangsung dan dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) iaitu Tuan Zamani Ahmad Bin Mansor pada 2 Oktober 2019 bertempat di Dewan Seri Bernam Sungai Besar. Perhimpunan tersebut dihadiri semua kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam dan semua agensi kerajaan di Daerah Sabak Bernam.**

## PROGRAM PANTAI INDAH (TANAM POKOK BAKAU)

— 26.10.19 —



*Program Pantai Indah (Tanam Pokok Bakau) Peringkat Mukim Pasir Panjang telah diadakan pada 26 Oktober 2019 iaitu di Ban Kampung Tali Air & Sg Leman. Program berlangsung dengan jayanya dengan kehadiran Tuan Pegawai Daerah. Aktiviti ini dapat memberi sedikit ilmu tentang penjagaan alam sekitar dan penanaman pokok bakau .*



**BULAN  
NOVEMBER  
2019**

# CABARAN CEKAP TENAGA.

— 09.11.19 —



*Cabaran Cekap Tenaga atau Program Alam Sekitar, Berbasikal dan Jalan Ria Mukim Sabak. Telah berlangsung di Sabak Sentral Mall pada 9 November 2019. Pelbagai aktiviti dijalankan pada program tersebut antaranya berbasikal dan jalan ria. Selain itu, ada juga sesi penyampaian hadiah kepada peserta-peserta yang menyertai program tersebut.*

## PROGRAM PERARAKAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2019

— 12.11.19 —



**Program Perarakan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor 2019 telah berlangsung pada 12 November 2019 yang bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Program tersebut telah disertai ramai kakitangan dari setiap Daerah Negeri Selangor. Program tersebut bertujuan untuk mengingati sirah perjuangan dan juga tanda kecintaan kita kepada Nabi Muhammad S.A.W. Semua kakitangan memberi kerjasama yang baik bagi melancarkan program tersebut.**

# MAJLIS PENYERAHAN BLUEPRINT

— 15.11.19 —



**Majlis Penyerahan Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor Tahun 2019 Daerah Sabak Bernam telah berlangsung pada 15 November 2019. Program tersebut bertujuan ingin memberi bantuan kepada pengusaha-pengusaha lKS. Program tersebut berlangsung dengan sangat baik dan lancar sekali.**



## BENGKEL ISO

— 20.11.19 — 22.11.19 —



**Bengkel ISO diadakan pada 20 hingga 22 November 2019  
iaitu di De Palma Hotel Ampang, Selangor Darul Ehsan.  
Bengkel tersebut bertujuan untuk penambahbaikan dan  
semakan dokumentasi sistem pengurusan kualiti keperluan  
standard ISO. Bengkel tersebut berlangsung dengan  
jayanya dengan kerjasama semua kakitangan yang hadir.**

## LAWATAN EKSA KE JUPEM.

— 25.11.19 —



*Lawatan EKSA ke Jupem berlangsung pada 25 November 2019.*

*Lawatan tersebut adalah Lawatan Penanda Aras Amalan Persekutuan Berkualiti EKSA di Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Negeri Selangor. Lawatan tersebut juga berlangsung dengan sangat teratur dengan kerjasama semua kakitangan Pejabat Daerah Sabak Bernam.*



**BULAN  
DISEMBER  
2019**

## MAJLIS HI-TEA BERSAMA KESUKA 2019

— 21.12.19 —



*Majlis Hi-Tea bersama Kesuka 2019 berlangsung pada 21 Disember 2019 bertempat di Dataran Kecemerlangan, PDTSB. Majlis tersebut telah dihadiri semua kakitangan Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam. Terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan antaranya sambutan hari lahir Tuan D.O, Sumbangan Majlis Perkahwinan Anak Ahli dan Penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang yang telah menjuarai sukan bola tampar.*



**SMART  
SELANGOR**



## **JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA**

TUAN NASIR BIN MAMAT,S.I.S,K.M.W,A.M.N  
ENCIK MOHD MARWAN BIN AHMAD TAJURI  
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM  
ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD  
ENCIK MUHAMMAD REDZUANN BIN ANUAR  
PUAN NOR AZIAH BINTI ISMAIL  
PUAN NORDIYANA BINTI ABDUL RANI  
PUAN LAMISAH BINTI MOHD BIBET  
ENCIK MOHD ASYRAF BIN AB MALEK  
MOHD HISHAMMUDDIN BIN HAJI JAAFAR  
ENCIK HAFIZUDIN BIN KASRAN

**DAN**

SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK YANG TERLIBAT SECARA  
LANGSUNG ATAU SECARA TIDAK LANGSUNG DALAM  
MENJAYAKAN BULETIN PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
SABAK BERNAM UNTUK SESI OKTOBER HINGGA  
DISEMBER 2019